



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL REKA BENTUK PENJAMINAN KUALITI
AKADEMIK SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM SWASTA
JAKARTA INDONESIA

KREBET SUPRIHATIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Nama : Krebet Suprihatin
No. Matrik : P20112001944
Pembangunan Model Reka Bentuk Penjaminan Kualiti
Akademik Sekolah Tinggi Agama Islam Swasta Jakarta,
Indonesia

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk menilai amalan pembangunan model rekabentuk jaminan kualiti akademik berdasarkan tujuh aspek kualiti iaitu: rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian pelajar, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan. Fasa kajian dilakukan dalam dua peringkat. Kedudukan pertama ialah mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kedudukan kedua adalah kajian sebenar tentang rekabentuk jaminan kualiti akademik dan kepuasan pelajar STAIS Lantaboer dan STAINDO Jakarta Indonesia. Kaedah kajian ini dilakukan dengan kaedah kuantitatif, data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, kajian pengumpulan data menggunakan instrumen kajian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap jangkaan terhadap rekabentuk jaminan kualiti adalah sederhana lemah dan positif untuk semua aspek yang dikaji, terdapat hubungan antara beberapa aspek jaminan kualiti akademik dengan kepuasan pelajar. Untuk itu menekankan pada usaha untuk mempertingkatkan amalan rekabentuk jaminan kualiti sehingga kepuasan pelajar dapat diwujudkan dengan baik.





Nama : Krebet Suprihatin
No. Matrik : P20112001944
Development of Academic Quality Assurance Design Model
For Private Islamic High Schools in Jakarta, Indonesia

ABSTRACT

This study aims to evaluate the practice of academic quality assurance in design model based on seven aspects of quality, namely: curriculum design, teaching and learning, student assessment, student selection, support services, learning resources, and continuous improvement. The phase of this study was conducted in two stages. The first stage is to obtain valid and reliable instrument. The second stage is the actual study on design and quality assurance of academic and student satisfaction STAIS Lantaboer STAINDO Jakarta Indonesia. Methods This study was conducted using quantitative research, data were analyzed using descriptive and inferential statistics, using data collection instrument. Results of the study found that the level of expectations of design quality assurance is a simple weak and positive for all aspects studied, there is a link between some aspect of academic quality assurance and student satisfaction. For that emphasize efforts to improve quality assurance in design practice so that student satisfaction can be realized well.





ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB SATU PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	16
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasional	21
1.11 Rumusan	30
BAB DUA SOROTAN LITERATUR	31
2.1 Pengenalan	31
2.2 Model yang Mendasari Kajian	32
2.3 Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta	37
2.3.1 Sejarah Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta	37
2.3.2 Tujuan Pengajian Tinggi Agama Islam Swasta	39
2.3.3 Peranan dan Kedudukan Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta di Indonesia	41
2.3.4 Kompetensi Pelajar Pengajian Tinggi Agama Islam	43
2.4 Konsep Sistem Penjaminan Kualiti Perguruan Tinggi	47
2.4.1 Konsep Kualiti	47
2.4.2 Kualiti Dalam Pengajian Tinggi	49
2.4.3 Konsep Penjaminan Kualiti	50
2.4.4 Jaminan Kualiti dalam Pengajian Tinggi	51
2.5 Amalan Jaminan Kualiti Pada Pengajian Tinggi	54
2.5.1 Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi Oleh Institusi	55
2.5.2 Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia	57
2.5.3 Amalan Jaminan Kualiti Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia	74
2.6 Kepuasan Pelajar sebagai Ukuran Keberhasilan Jaminan	





Kualiti Pelanggan Institusi Pengajian Tinggi	78
2.7 Hasil-hasil Kajian Amalan Kualiti dan Jaminan Kualiti, dan Kepuasan Pelajar Pada Institusi Pengajian Tinggi	84
2.7.1 Hasil Kajian Amalan Kualiti dan Jaminan Kualiti Pada Institusi Pengajian Tinggi	85
2.7.2 Hasil Kajian Tahap Jaminan Kualiti Pada Institusi Pengajian Tinggi	90
2.7.3 Hasil Kajian Tahap Kepuasan Pelajar Pada Institusi Pengajian Tinggi	93
2.7.4 Hasil Kajian Kajian Perhubungan Jaminan Kualiti dengan Kepuasan Pelajar	95
2.8 Penilaian Jaminan Kualiti Pelayanan	96
2.8.1 Model Pengurusan Kualiti ISO 9000	96
2.8.2 Model Kualiti Perkhidmatan SERVQUAL	101
2.8.3 <i>Business Excellence Model</i> (BEM)	106
2.8.4 Model <i>Juran's Trilogy</i>	108
2.8.5 Model <i>Deming Prize</i>	110
2.9 Kerangka Teoritik Kajian	112
2.10 Kerangka Konseptual Kajian	114
2.11 Rumusan	116

**BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	119
3.2 Rekabentuk Kajian	120
3.3 Persampelan	123
3.4 Instrumen Kajian	124
3.5 Pengumpulan Data	128
3.6 Teknik Analisis Data	130
3.7 Kajian Rintis	137
3.8 Ujian Analisis Faktor Pembolehubah Kajian	144
3.9 Rumusan	151

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	152
4.2 Profil Peserta Kajian	154
4.3 Deskripsi Data	157
4.4 Pengujian Hipotesis	173
4.3 Rumusan	182

BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	183
5.2 Rumusan Kajian	184
5.3 Dapatan dan Perbincangan Kajian	186
5.4 Rumusan Dapatan Kajian	208
5.5 Implikasi Kajian	210
5.6 Cadangan	215
5.7 Rumusan	219





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

5.8 Penutup

221

RUJUKAN

222

LAMPIRAN SOAL SELIDIK

238



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Jadual 3.1	Nilai Korelasi Kesahan Instrumen dan Indeks Kebolehppercayaan Alpha Cronbach Bagi Aspek-aspek Pembangunan Rekabentuk Jaminan Kualiti Akademik	140
Jadual 3.2	Nilai Korelasi Kesahan Instrumen dan Indeks Kebolehppercayaan Alpha Cronbach Bagi Aspek-aspek Pembangunan Rekabentuk Jaminan Kualiti Akademik Aspek Kepuasan Pelajar	142
Jadual 3.3	Struktur Analisis dan Pemuatan Faktor Rekabentuk Kurikulum, Pengajaran dan Pembelajaran dan Nilai Keseragaman Item (N=160).	145
Jadual 3.4	Struktur Analisis dan Pemuatan Faktor Perkhidmatan Sokongan, Sumber Pengajian, Penambahbaikan Berterusan dan Nilai Keseragaman Item (N=160).	146
Jadual 3.5	Struktur Analisis dan Pemuatan Faktor Pemilihan Pelajar, Penilaian Pelajar dan Nilai Keseragaman Item (N=160).	147
Jadual 3.6	Struktur Analisis dan Pemuatan Faktor Kepuasan Pelajar dan Nilai Keseragaman Item (N=160).	149
Jadual 3.7	Nilai Alpha Cronbach Bagi Item Mengikuti Dimensi	151
Jadual 4.1	Latar Belakang Pelajar	155
Jadual 4.2	Skor Min dan Sisihan Lazim Aspek Rekabentuk Kurikulum Pandangan Pelajar	159
Jadual 4.3	Skor Min dan Sisihan Lazim Jaminan Kualiti Aspek Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pandangan Pelajar	160
Jadual 4.4	Skor Min dan Sisihan Lazim Serta Jurang Kualiti Jangkaan dan Sedia Ada Aspek Penilaian Pelajar Pandangan Pelajar	162
Jadual 4.5	Skor Min dan Sisihan Lazim Aspek Pemilihan Pelajar Pandangan Pelajar	164
Jadual 4.6	Skor Min dan Sisihan Lazim Aspek Perkhidmatan Sokongan Pelajar	166
Jadual 4.7	Skor Min dan Sisihan Lazim Aspek Sumber Pengajian Pandangan Pelajar	167
Jadual 4.8	Skor Min dan Sisihan Lazim Aspek Penambahbaikan Kualiti Berterusan Pandangan Pelajar	169
Jadual 4.9	Min dan Sisihan Lazim Tahap Kepuasan Pelajar	171
Jadual 4.10	Korelasi Pearson antara Aspek Amalan Jaminan Kualiti dengan Kepuasan Pelajar	174
Jadual 4.11	Analisis Rergesi Berganda (Stepwise) Bagi Pembolehubah Bebas Yang Mempengaruhi Kepuasan Pelajar STAIS Lantaboer dan STAINDO Jakarta	179
Jadual 4.12	AnalisisVariansPembolehubah Bebas dan Bersandar	180

SENARAI RAJAH





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah 2.1	Model Malcolm BaldrigeAnugrah Kualiti Kebangsaan.	33
Rajah 2.2	Model Pengurusan ISO 9001: 2000	97
Rajah 2.3	Model Kualiti Perkhidmatan (SERVQUAL)	103
Rajah 2.4	Business Excellence/EFQM Excellence Model	
	Pembangunan Rekabentuk Penjaminan Kualiti Akademik di	
	STAIS Lantaboerdan STAINDO Jakarta	107
Rajah 2.5	Pembangunan Model Rekabentuk Penjaminan Kualiti	
	Akademik di STAIS Lantaboer dan STAINDO Jakarta.	115



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB SATU

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Perkembangan globalisasi dan teknologi maklumat serta komunikasi yang pesat, mengakibatkan permintaan bagi pengajian tinggi telah meningkat berlipat ganda (Mohd. Azhar, 2001; Ishak, 2001). Di pelbagai negara usaha perubahan dan pembaharuan telah dan sedang dilaksanakan bagi mengangkat martabat sistem pengajian berkualiti tinggi dan mencapai taraf dunia, namun demikian, isu kualiti dalam pengajian tinggi merupakan topik perbincangan di kalangan tokoh negara, ahli akademik dan pihak awam.

Membincangkan kerangka matlumat pengajian tinggi, sistem pengajian tinggi yang sihat ditandai dengan kualiti pengajian tinggi yang semakin berkualiti dan



relevan, disamping itu terbuka pula bagi kesamarataan akses dan meningkatnya penyertaan masyarakat. Dalam pasal 50 ayat (6) menyatakan bahawa universiti menentukan sendiri dan mempunyai autonomi dalam menguruskan pengajian di lembaganya. Sedangkan penjelasan Pasal 50 ayat (6) menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan autonomi universiti adalah jadikan perguruan tinggi untuk menguruskan sendiri lembaganya. Autonomi universiti mengamanatkan bahawa perguruan tinggi harus pula menguruskan secara mandiri pengawasan atas pengajian tinggi yang diselenggarakannya (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, 2010). Dengan autonomi yang dimiliki perguruan tinggi, peranan perguruan tinggi hingga kini tetap sebagai kekuatan moral dan berperanan mengawal jati diri bangsa ke arah perubahan di tengah arus global, perguruan tinggi tetap sebagai kunci daya saing bangsa, kesemuanya itu harus mempunyai sumber manusia yang baik dan produk yang berkualiti.

Penjaminan kualiti akademik dalam pengajian khususnya pengajian tinggi menjadi salah satu upaya untuk menjamin kualiti akademik dalam pengajian tinggi. Kepentingan aspek kualiti dan jaminan kualiti akademik pengajian dalam pengajian tinggi tidak boleh dipertikaikan seperti yang ditunjukkan oleh kajian Luke (1997) bahawa amalan jaminan kualiti akademik di universiti dapat menghasilkan produktiviti, ekuiti, prosedur dan hasil pembelajaran dengan lebih jelas. Di samping itu, pemupukan budaya kualiti dalam sesebuah institusi dapat memenuhi keperluan dan kepuasan semua pihak yang berkepentingan termasuk pemegang taruh dalaman dan luaran (Sharifah Hapsah Syed Hassan 2007).

1.2 Latar Belakang Kajian

Berasingan dengan institusi pengajian tinggi awam kerajaan dan swasta yang bersifat am di Indonesia dikenal pula institusi pengajian tinggi Islam yang diperkenalkan dengan nama Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI). Perguruan Tinggi Agama Islam adalah perguruan tinggi yang menyediakan pengajian tinggi agama Islam sebagai kelanjutan pengajian menengah untuk menyiapkan pelajar menjadi anggota masyarakat yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia, dan mempunyai kemampuan akademik, professional, dan / atau vokasi yang dapat melaksanakan, mengembangkan, dan / atau mencipta ilmu pengetahuan, teknologi dan / atau kesenian, baik di bidang ilmu agama Islam mahupun ilmu lain yang diintegrasikan dengan agama Islam (Keputusan Menteri Agama RI No. 33 tahun 2004).

Menurut Haidar (2007) pendirian institusi pendidikan tinggi Islam sudah dirintis sejak zaman pemerintahan Hindia Belanda, di mana Dr. Satiman Wirjosandjoyo pernah mengemukakan pentingnya kewujudan institusi pengajian tinggi Islam untuk mengangkat harga diri kaum Muslim di Hindia Belanda yang dijajah itu. Gagasan tersebut akhirnya wujud pada tarikh 8 Julai 1945, ketika Sekolah Tinggi Islam (STI) berdiri di Jakarta di bawah pimpinan Prof. Abdul Kahar Muzakkir, sebagai realisasi kerja yayasan Badan Pengurus Sekolah Tinggi Islam yang dipimpin oleh Drs. Mohammad Hatta sebagai ketua dan M. Natsir sebagai setiausaha. Ketika masa revolusi kemerdekaan, STI ikut Kerajaan Pusat Republik Indonesia berhijrah ke Yogyakarta dan pada tarikh 10 April 1946 boleh dibuka kembali di bandar itu, dalam sidang Jawatan kuasa Pembaikan STI memutuskan pendirian Universiti Islam Indonesia (UII) pada 10 Mac 1948 di Yogyakarta.

Selanjutnya Haidar (2007) memperkatakan bahawa, setelah pengakuan kedaulatan Indonesia secara antarabangsa, Kerajaan menumbuhkan Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN), yang diambil dari Fakulti Agama UII (Yogyakarta) mengikut Peraturan Pemerintah Nombor 34 Tahun 1950. Penetapan PTAIN sebagai perguruan tinggi negeri dirasmikan pada tarikh 26 September 1951 dengan jurusan Da'wah (kelak Usuluddin), Qodlo (kelak menjadi syariah) dan Pengajian (Tarbiyah). Sementara di Jakarta, berdiri Akademi Dinas Ilmu Agama (ADIA) pada 14 Ogos 1957 berdasarkan Penetapan Menteri Agama Nombor 1 Tahun 1957.

Sebagai institusi pengajian, perguruan tinggi agama Islam (PTAI) mempunyai matlamat membentuk sarjana-sarjana muslim yang berakhlak mulia, berilmu dan cekap serta mempunyai kesedaran tanggungjawab atas kesejahteraan umat dan masa depan bangsa sesuai dengan keahliannya di dalam agama Islam serta bagi memenuhi keperluan umum (Peraturan Menteri Agama No.1 Tahun 1972). Matlamat ini kemudian diwujudkan dalam tugas pokok, iaitu menyediakan pengajian, penyelidikan dan pengabdian pada masyarakat. Strategi yang dibangunkan ke arah tugas pokok dimaksudkan adalah bahawa PTAI merupakan bahagian integral dari pembangunan nasional yang menjadi orang tengah antara ilmu pengetahuan Islam dengan ilmu pengetahuan umum dan teknologi.

Bersesuaian dengan Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Republik Indonesia NO. 20 tahun 2003 memperkatakan bahawa: pengajian tinggi adalah pengajian pada laluan pengajian sekolah yang lebih tinggi daripada pengajian menengah di laluan pengajian sekolah. Satuan pengajian agama Islam diselenggarakan dan dikelompokkan menjadi Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) dan

Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta (PTAIS). Perguruan Tinggi Agama Islam berwujud universiti, institut, mahupun sekolah tinggi.

PTAIS pada dasarnya merupakan institusi pengajian tinggi yang diselenggarakan oleh masyarakat yang bermatlamat menghasilkan ahli-ahli agama Islam yang berkualiti dan berguna bagi masyarakat serta untuk mengembangkan ilmu, teknologi, dan budaya Islam guna meningkatkan taraf kehidupan masyarakat serta kebudayaan nasional (Haidar, 2007).

Di peringkat negara Indonesia jumlah PTAIS mencapai 91.5% iaitu sebanyak 557 perguruan tinggi agama, manakala secara bandingan PTAIN 8.5% iaitu sebanyak 52 perguruan tinggi (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Islam. 2011). Dari 557 PTAIS sebanyak 90 institusi (16.2%) institusi berwujud universiti, sebanyak 17 institusi (4.8%) berwujud institut dan sebanyak 440 institusi (79.0%) berwujud sekolah tinggi. Jumlah pelajar pada PTAIS 337.770 orang (57.9%) berbanding pelajar PTAIN sebanyak 242.746 orang (42.1%).

Masyarakat khasnya pelajar menaruh jangkaan yang tinggi terhadap kualiti PTAI yang boleh melebihi Perguruan Tinggi Awam yang berkewujudan Perguruan Tinggi Negeri (PTN) mahupun Perguruan Tinggi Swasta (PTS). Seperti hasil kajian yang dilakukan Anis et. al (2003) yang mendapati pelajar memiliki jangkaan akan kualiti PTAI di Jakarta merangkumi: kualiti prestasi kewujudan sosial lulusan (33.01%), populariti pemimpin (26.67%), prestasi pelajar (24.35%), kualiti sumber dalam wujud bangunan fizikal kampus (9.04%), manakala kualiti lain-lain (6.94%).

Jangkaan terhadap kualiti PTAI juga terus diupayakan sepertimana dilakukan

Universiti Islam Negeri Jakarta yang berkeupayaan mensejajarkan kualiti dari aspek visi, misi, tujuan, kurikulum dan kompetensi pensyarah, pengajaran dan pembelajaran, sumber pengajian serta lainnya ke peringkat nasional negara mahupun peringkat antarabangsa, untuk menjadi kebanggaan umat Islam dan bangsa Indonesia (Nata, 2003).

Thoyib (2008) memberi jangkaan, pula saranan agar PTAI; pertama, memperbaiki pengurusan kualiti akademik secara keseluruhan dan berterusan; kedua, mengamalkan pengurusan kualiti dengan sokongan suasana akademik yang mesra; manakala ketiga, keperluan akan sokongan utama terhadap keramaian rasa kemanusiaan sumber manusia. Program peningkatan kualiti pengajian tinggi Islam telah pula menjadi polisi, program serta amalan strategi aktiviti Direktorat Jenderal Pendidikan Islam tahun 2010-2014 yang merangkumi: (i) meningkatkan akses perguruan tinggi agama Islam, (ii) meningkatkan kualiti layanan PTAI, (iii) meningkatkan kualiti dan daya bekompentisi lulusan PTAI dan meningkatkan kualiti pengurusan PTAI.

Department for Education and Children 's Services (1996), menyarankan agar penjaminan kualiti difokuskan pada proses dan hasil pengajian Cuttance dalam Ali, (2000). Peningkatan kualiti pengajian di perguruan tinggi merupakan kepentingan yang mendesak untuk segera dilakukan pembaikan. Peningkatan keupayaan untuk mengurus dan mengembangkan pengajian tinggi sudah sangat dirasakan perlu, termasuk untuk menggunakan prinsip-prinsip pengurusan moden yang berorientasikan pada kualiti. Bagi para pemilik dan pengurus Perguruan Tinggi, sistem pengurusan kualiti pada hakikatnya berasas pada penambahbaikan berterusan sehingga dapat

diserap oleh kalangan agensi dan pasaran tenaga kerja. Krisis ekonomi dan kewangan serta pasaran bebas telah menuntut untuk lebih cermat dalam menentukan wawasan ke depan yang berdasarkan atas pertimbangan potensi, halangan, peluang dan ancaman yang menuntut untuk lebih efektif dan berkesan dalam bertindak.

Mengenai kualiti pengajian ini dijelaskan dalam pasal 1 ayat 17 UU RI Nombor 20 Tahun 2003; bahawa: Standard Nasional Pendidikan (SNP) adalah kriteria minimum tentang sistem pengajian di seluruh wilayah undang-undang Negara Kesatuan Republik Indonesia. Mengenai kriteria minimum Standard Nasional Pendidikan ini terdiri atas standard kandungan, standard proses, standard kompetensi lulusan, standard tenaga kependidikan, standard sumber pengajian, pengurusan, pembiayaan, dan penilaian pengajian yang perlu dipertingkatkan secara berencana

Setiap perguruan tinggi termasuk Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) berkewajiban melakukan penjaminan kualiti akademik dan lebih dikenali dengan Sistem Penjaminan Mutu (Kualiti) Internal/dalaman (SPMI-PT). Dengan matlamat yang sama, iaitu menjamin kualiti penyelenggaraan pengajian (termasuk pengajian tinggi), maka Peraturan Pemerintah. No. 19 Tahun 2005 Tentang Standard Nasional Pendidikan menetapkan struktur pengawasan melintang di dalam Fasal 91 ayat (1), yang menyatakan bahawa setiap unit pengajian pada jalur rasmi dan tidak rasmi wajib melakukan penjaminan kualiti pengajian. Sedangkan Fasal 91 ayat (3) menyatakan bahawa jaminan kualiti pengajian bertujuan untuk memenuhi atau melebihi Standard Nasional Pendidikan.

Perguruan tinggi membangunkan sendiri sistem penjaminan kualiti dalaman yang disesuaikan dengan kepentingan dan kemampuan institusi masing-masing. Sistem Penjaminan Mutu (Kualiti) Internal/dalaman (SPMI) di suatu perguruan tinggi merupakan aktiviti bebas dari perguruan tinggi yang berkaitan, sehingga proses tersebut dirancang, dijalankan, dan dikendalikan sendiri oleh universiti yang berkenaan (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, 2010). SPMI adalah aktiviti sistemik penjaminan kualiti pengajian tinggi di perguruan tinggi oleh perguruan tinggi (*internally driven*), untuk mengawasi penyelenggaraan pengajian tinggi oleh perguruan tinggi secara berterusan (*continuous improvement*) (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, 2010), sebagaimana ditetapkan oleh Fasal 50 ayat (6) Undang-Undang Sisdiknas juncto Fasal 91 PP. No. 19 Tahun 2005 tentang Standar Nasional Pendidikan.

Tujuan SPMI-PT adalah memelihara dan meningkatkan kualiti pengajian tinggi secara berterusan melalui penyelenggaraan Tridharma Perguruan Tinggi yaitu pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan masyarakat dan kajian. Dengan demikian, peningkatan kualiti perguruan tinggi secara berterusan boleh diwujudkan secara menyeluruh melalui SPMI-PT. Atas sebab-sebab di atas maka pengkaji ingin mengira dan meninjau pembangunan rekabentuk jaminan kualiti akademik Sekolah Tinggi Agama Islam Swasta (STAIS) Lantaboer Jakarta dan Sekolah Tinggi Agama Islam Indonesia (STAINDO) Jakarta. Pengkaji berharap dapat mengkaji semula pembangunan rekabentuk penjaminan kualiti akademik Sekolah Tinggi Agama Islam Swasta (STAIS) Lantaboer Jakarta dan Sekolah Tinggi Agama Islam Indonesia (STAINDO) Jakarta mengikut amalan baik yang digariskan dalam Kod Amalan

Sistem Penjaminan Kualiti Pengajian Internal Perguruan Tinggi (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, 2010).

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai institusi pengajian, PTAI mempunyai matlamat membentuk sarjana-sarjana muslim yang berakhlak mulia, berilmu dan cekap serta mempunyai kesedaran tanggungjawab atas kesejahteraan umat dan masa depan bangsa sesuai dengan keahliannya di dalam agama Islam serta bagi memenuhi keperluan umum (Peraturan Menteri Agama RI No.1 Tahun 1972). Tujuan ini kemudian menjelma dalam tugas utama, iaitu menyediakan pengajian, penyelidikan dan pengabdian pada masyarakat.

Strategi yang dibangunkan ke arah tugas pokok dimaksudkan adalah bahawa PTAI merupakan bahagian integral dari pembangunan nasional yang menjadi orang tengah antara ilmu pengetahuan Islam dengan ilmu pengetahuan umum dan teknologi.

Implementasi matlamat PTAI yang tercantum dalam Peraturan Menteri Agama RI No.1 Tahun 1972, telah diperluaskan dan disesuaikan dengan matlamat Pengajian Tinggi Nasional Indonesia. Perluasan matlamat PTAI telah memperluaskan pasaran pengguna lulusan PTAI. Perluasan pasaran (masyarakat pengguna) lulusan IAIN/PTAI sejak tahun 80-an hingga sekarang cukup signifikan. Tidak lagi terhad kepada pasaran konvensional iaitu persekitaran Jabatan agama dan institusi-institusi keagamaan, tetapi juga pasaran tidak konvensional yakni meliputi pelbagai sektor kehidupan seperti mass media, politik, birokrasi bukan keagamaan, dan badan bukan kerajaan (NGO). Kepelbagaian perjalanan berjaya civitas akademika PTAI/IAIN



melalui pasaran inkonvensional tersebut nampaknya banyak dilakukan oleh para lulusan PTAI/IAIN yang telah mengalami proses pembelajaran plus, baik melalui pengajian rasmi lebih lanjut mahupun tidak rasmi dan secara rasmi.

PTAIS sebagai salah satu institusi pengajian yang diselenggarakan oleh masyarakat secara umum kualitasnya masih memprihatinkan, walaupun telah terjadi perluasan pasaran pengguna lulusan PTAI, akan tetapi banyak persoalan yang dihadapi oleh PTAI. Persoalan utama yang dihadapi oleh Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) masa kini adalah belum dapat memenuhi dua matlamat pokok pengajian tinggi seperti yang terkandung dalam Peraturan Pemerintah Nomor 60 tahun 1999, yaitu (1) masalah kualiti lulusan yang dihasilkan, (2) sumbangan PTAI pada pembangunan ilmu agama Islam. “Oleh kerana itu, PTAI dapat dikategorikan kurang berjaya. Hal ini dapat dilihat pada indikasi banyaknya lulusan PTAI yang tidak memiliki kemahiran pada program ilmu-ilmu keislaman.” (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Agama Islam RI, 2004)



Arief Furchan (2004) menyebutkan beberapa hambatan yang dihadapi oleh sebagian besar lulusan Perguruan Tinggi Islam, yaitu; (1) penguasaan ilmu agama Islam yang kurang mendalam akibat ketidakmampuan membaca kitab klasik yang merupakan khazanah ilmu pengetahuan agama Islam; (2) penguasaan ilmu pengetahuan umum untuk dapat berkomunikasi secara lancar dengan anggota masyarakat yang menguasai bidang itu kurang; (3) penguasaan yang kurang luas terkait metodologik dan teknik penyampaian agama Islam pada masyarakat yang berbeza-beza; dan (4) keteladanan yang kurang dapat diikuti akibat kurangnya penghayatan ajaran agama Islam.



Persoalan demikian ternyata tidak hanya menimpa PTAI di Indonesia, namun juga telah dapat dirasakan hampir di sebagian besar PTAI di belahan dunia. Bassam (1991) dalam hasil penelitiannya menemukan hampir seluruh universiti Islam di kawasan Timur Tengah dan Afrika sangat menekankan kapasitas untuk menghafal agar mahasiswa boleh lulus dalam studi mereka; tidak pada kapasiti untuk berfikir kritis dan analitik. Pelajar dipersiapkan bukan untuk menjawab masalah perubahan, tetapi untuk stabilisasi dan kehormatan. Akibatnya, setelah lulus dari studi, para pelajar lebih dibekali dengan sijil, tetapi tidak dengan kualifikasi yang dapat diterapkan secara bermanfaat dalam proses pembangunan. Pendapat tersebut di atas nampaknya sama dengan kondisi Perguruan Tinggi Islam yang ada di Indonesia. Seperti dilaporkan Azyumardi (1994), bahwa pelajar di Indonesia belajar ke Perguruan Tinggi pertama-tama adalah untuk mengejar status dan selebar sijil, bukan keahlian, kemahiran, dan profesionalisme.

Pandangan serupa juga diajukan Afandi (2004) bahwa saat ini PTAI menghadapi dua permasalahan serius, yakni; (1) kualiti lulusan yang dihasilkan dan (2) sumbangan PTAI pada pengembangan ilmu agama Islam. Terkait dengan kualiti lulusan, kapasiti intelektual dan keilmuan para lulusan PTAI menunjukkan bahawa banyak dari para lulusan PTAI yang belum sanggup menjawab setiap permasalahan keagamaan yang berkembang di tengah-tengah masyarakat. Kedua permasalahan yang dihadapi PTAI di atas, menurut Afandi (2004) disebabkan oleh beberapa hal. Pertama, lemahnya kemampuan para pelajar PTAI memahami ilmu-ilmu keislaman secara tahqiq. Hal ini disebabkan kerana sebelum mereka masuk PTAI, majoriti dari mereka yang diterima di PTAI tidak memiliki kebolehan dasar sukatan-sukatan keislaman. Misalnya tidak mahir membaca al-Qur'an dengan baik, menguasai bahasa



Arab, dan memahami asas-asas pendekatan ilmu-ilmu keislaman. Kedua, PTAI kurang memiliki komitmen baik dalam menepis pelajar mahupun menepis calon pensyarah.

Faktor yang menyebabkan kualiti lulusan yang belum memenuhi jangkaan serta kurangnya sumbangan PTAI terhadap pembangunan ilmu, seni dan budaya keislaman disebabkan oleh faktor dalaman mahupun faktor luaran (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Agama Islam, 2004). Pandangan-pandangan tentang permasalahan dalam pengajian tinggi agama Islam disokong hasil kajian yang dilakukan oleh Lailial dan Nani (2007) yang berhasil mengenalpasti kualiti di PTAI STAIN Pontianak, antaranya: (i) rendahnya kualiti hasil pengajian dan hasil penyelidikan; (ii) rendahnya sumbangan terhadap pengembangan ilmu; (iii) persaingan dalaman yang cenderung menggunakan dan menghabiskan energi yang seharusnya dipusatkan pada upaya perbaikan kualiti, yang pada gilirannya untuk meningkatkan daya saing luaran; (iv) penghargaan dan pengakuan prestasi, seperti penilaian prestasi kerja, kompensasi, program pengakuan prestasi dan sistem promosi terhadap pelajar dan pensyarah sulit diwujudkan; (v) pelajar dan pensyarah masih ketinggalan maklumat terbaharu mengenai pembangunan prestasi organisasi dan masih lemahnya pasukan dan mekanisme survei tahunan mengenai sikap dan kepuasan kakitangan; (vi) layanan pentadbiran dan akademik kepada pelajar dan kenaikan pangkat pensyarah terkesan lambat dan berbelit-belit, dan; (vii) belum berfungsi sebagai perguruan tinggi.

Memandangkan permasalahan di atas diperlukan kemahuan baik kerajaan dan usaha maksimum dari umat Islam sendiri, terutama dari tokoh-tokoh pengajian Islam, guna mengadakan pembaruan pengajian Islam, dari aspek epistemologi keilmuannya



mahupun kelembagaannya tanpa mengabaikan aspek-aspek pendidikan Islam lainnya, seperti tujuan, kurikulum, metodologi pengajaran, tenaga pengajian (pensyarah) dan pengurusan (Muljono, 2007).

Permasalahan di atas dapat diatasi pula apabila PTAI mengguna dan mengamalkan model dan konsep-konsep jaminan kualiti institusi pengajian tinggi yang telah dibangunkan dan dikemukakan oleh badan-badan bebas atau model dan konsep-konsep yang telah dibangunkan dan dilaksanakan oleh sesuatu negara. Penggunaan tersebut boleh dilakukan dengan membina pembangunan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik pada PTAI.

Agar amalan pembangunan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik pada PTAI memperoleh keberjayaan, ianya boleh meninjau amalan jaminan kualiti yang sedia ada. Untuk meninjau pembangunan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik, model pengurusan kualiti ISO 9001 digunakan sebagai kerangka konsep bagi kajian ini. Kualiti adalah satu konsep yang abstrak dan subjektif, khususnya apabila diterapkan dalam perkhidmatan pendidikan. Oleh itu, kajian ini menekankan kepada pandangan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk menilai pembangunan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik termasuk pihak pentadbir, pensyarah dan pelajar.

Pandangan pelajar merupakan sebahagian daripada data dan maklumat penting bagi membolehkan pihak pemegangtaruh atau *stakeholders* membuat penilaian tentang tahap pencapaian di sesebuah institusi pendidikan (*Higher Education Funding Council for England 2002; Quality Assurance Agency 2002*). Parasuraman (1988)

juga menegaskan bahawa perspektif pelanggan adalah penting untuk menilai kualiti perkhidmatan organisasi. Seperti ungkapan: "Dalam ketiadaan langkah-langkah objektif, satu pendekatan yang sesuai untuk menilai kualiti perkhidmatan sebuah organisasi adalah untuk mengukur persepsi pengguna kualiti" (Parasuraman 1988).

Kajian ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai amalan pembangunan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik khususnya dalam konteks amalan yang diharapkan dan amalan sedia ada menurut pandangan pihak responden. Menurut Bowden dan Marton (1998), kita perlu mengkaji amalan sedia ada dalam institusi pengajian sebelum boleh mengambil tindakan penambahbaikan. Amalan jaminan kualiti dalam Pengajian Tinggi adalah berdasarkan amalan baik seperti yang ditetapkan dalam Kod Amalan Sistem Penjaminan Kualiti Pengajian Internal Perguruan Tinggi (SPMI-PT) yang dikemukakan oleh Dewan Perguruan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (2010). Aspek-aspek yang diberi perhatian dalam kajian ini adalah hasil pembelajaran; rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan. Kajian ini juga akan mengukur tahap kepuasan pelajar terhadap program Pengajian Tinggi selaras dengan keperluan dalam model ISO 9001:2008.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai amalan pengembangan model rekabentuk penjaminan kualiti akademik berdasarkan tujuh aspek kualiti iaitu:



rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan (Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, 2010). Tujuan kedua kajian ini ialah untuk mengenal pasti pembolehubah yang menyumbang secara signifikan terhadap kepuasan pelajar STAIS Lantaboer Jakarta Indonesia dan Sekolah Tinggi Agama Islam Indonesia (STAINDO) Jakarta.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini merangkumi:



- 1) Meninjau tahap amalan rekabentuk model pembangunan penjaminan kualiti akademik dalam SPMI dari rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan;
- 2) Mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran di STAIS Lantaboer dan Sekolah Tinggi Agama Islam Indonesia (STAINDO) Jakarta;
- 3) Mengenal pasti sama ada terdapat perhubungan antara amalan model rekabentuk pembangunan penjaminan kualiti akademik dari aspek rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan dengan kepuasan pelajar;
- 4) Menentukan sumbangan aspek rekabentuk pembangunan kualiti akademik aspek rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian,



pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan di STAIS Lantaboer dan STAINDO Jakarta terhadap kepuasan pelajar mengikut perspektif pelajar.

1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian yang dimajukan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Sejauhmanakah tahap amalan rekabentuk penjaminan kualiti akademik dalam SPMI dari rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan mengikut pandangan pelajar?
- 2) Sejauhmanakah tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran di STAIS Lantaboer dan Sekolah Tinggi Agama Islam Indonesia (STAINDO) Jakarta;
- 3) Adakah terdapat perhubungan antara amalan rekabentuk penjaminan kualiti akademik dari aspek rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan dengan kepuasan pelajar;
- 4) Sejauhmanakah sumbangan aspek jaminan kualiti akademik (dari aspek rekabentuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pemilihan pelajar, perkhidmatan sokongan, sumber pengajian, dan penambahbaikan berterusan) di STAIS Lantaboer dan STAINDO Jakarta terhadap kepuasan pelajar mengikut perspektif pelajar.